

**ARAHAN PROSEDUR TETAP
PERMOHONAN LESEN UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI YANG BERHUBUNGAN
DENGAN TEMPAT PERLINDUNGAN HAIWAN BAGI PENGUATKUASAAN
BAHAGIAN III AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015 DAN PERATURAN-PERATURAN
KEBAJIKAN HAIWAN (FI PELESENAN) 2021**

1. PENGENALAN

Aktiviti yang berhubungan dengan tempat perlindungan haiwan adalah salah satu aktiviti yang perlu dilesenkan berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta Kebajikan Haiwan 2015. Mengikut peruntukan tersebut, tidak seorang pun boleh menjalankan aktiviti yang melibatkan haiwan yang dinyatakan dalam Jadual melainkan jika dia memegang suatu lesen yang sah yang diberikan di bawah Akta ini.

Sehubungan dengan peruntukan tersebut, Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengambil pendekatan untuk menyediakan suatu Arahan Prosedur Tetap yang jelas kepada pemohon lesen yang menjalankan aktiviti yang melibatkan tempat perlindungan haiwan berhubung prosedur permohonan lesen, kategori aktiviti yang perlu memohon lesen serta tempoh permohonan lesen bagi permohonan baharu dan pembaharuan lesen.

Maka, Arahan Prosedur Tetap Permohonan Lesen untuk Menjalankan Aktiviti yang Berhubungan dengan Tempat Perlindungan Haiwan ini boleh memberi panduan dan rujukan kepada semua pihak supaya arahan dan panduan dapat diberikan secara seragam di seluruh negara. Prosedur ini tertakluk kepada Akta Kebajikan Haiwan 2015, Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021 dan keputusan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

2. OBJEKTIF

- 2.1 Menyediakan garis panduan untuk memohon lesen bagi menjalankan aktiviti yang melibatkan tempat perlindungan haiwan.
- 2.2 Mengelakkan kekeliruan kepada orang ramai dan pemohon lesen mengenai prosedur permohonan lesen.
- 2.3 Memastikan arahan yang seragam diterima oleh semua pihak di seluruh negara.

3. SKOP

Arahan Prosedur Tetap Permohonan Lesen untuk Menjalankan Aktiviti yang Berhubungan dengan Tempat Perlindungan Haiwan adalah merujuk kepada aktiviti pengendalian dan pengurusan haiwan terbiar di tempat perlindungan haiwan. Ia merangkumi peruntukan di dalam Akta Kebajikan Haiwan 2015, Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021, dasar kebajikan haiwan, keputusan dasar berhubung prosedur permohonan lesen dan keputusan dasar berhubung pelaksanaan penguatkuasaan pelesenan.

4. RUJUKAN

Rujukan bagi Arahan Prosedur Tetap ini adalah:

- 4.1 Akta Kebajikan Haiwan 2015.

- 4.2 Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021.
- 4.3 Kod Amalan Kebajikan Haiwan: Aktiviti Kawalan Haiwan Terbiar serta Pengurusan Tempat Kurungan dan Perlindungan Haiwan (perkara 8.0 hingga 10.0).

5. DEFINISI

5.1 Tempat perlindungan haiwan

Premis di mana haiwan terbiar yang diselamatkan ditempatkan.

5.2 Haiwan terbiar

Haiwan terbiar termasuk semua jenis haiwan yang merayau tanpa tuan atau penyeliaan di tempat awam.

5.3 Lembaga Kebajikan Haiwan

Suatu badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kebajikan Haiwan bagi tujuan mentadbir urus Akta Kebajikan Haiwan 2015.

5.4 Sistem MyAnimalWelfare

Suatu sistem dalam talian yang dibangunkan bagi tujuan pengurusan aduan, permohonan lesen, pemantauan yang berkaitan dengan kebajikan dan kezaliman haiwan serta promosi program-program kebajikan haiwan.

6. DASAR

Lembaga Kebajikan Haiwan telah memutuskan supaya aktiviti pengurusan tempat perlindungan haiwan perlu dilesenkan seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual Seksyen 15 Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan bayaran fi lesen adalah mengikut Jadual di dalam Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Fi Pelesenan) 2021. Pelaksanaan penguatkuasaan pelesenan adalah mengikut keputusan yang ditetapkan oleh ketetapan dasar Lembaga yang dipersetujui oleh Menteri.

7. KATEGORI AKTIVITI PENGURUSAN TEMPAT PERLINDUNGAN HAIWAN YANG PERLU DILESENKAN

Mana-mana pihak yang disenaraikan di bawah perlu memohon lesen:

- 7.1 Menyediakan tempat perlindungan untuk haiwan terbiar ataupun yang diserahkan oleh mana-mana individu atau pihak;
- 7.2 Berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (*Registrar of Society*) sebagai pertubuhan bukan kerajaan yang menjalankan aktiviti perlindungan haiwan; dan
- 7.3 Bagi yang menjalankan aktiviti perlindungan haiwan secara individu:
 - 7.3.1 Tempat perlindungan kucing:
Mempunyai bilangan haiwan melebihi 20 ekor di dalam satu premis.
 - 7.3.2 Tempat perlindungan anjing:

Mempunyai bilangan haiwan melebihi jumlah yang dibenarkan untuk dipelihara sebagai haiwan kesayangan di dalam satu premis di bawah Undang-undang Kecil Kerajaan Tempatan.

8. KEPERLUAN PEMATUHAN KEPADA KEBAJIKAN HAIWAN

- 8.1 Semua pemohon lesen dan pemegang lesen bagi menjalankan aktiviti pengurusan tempat perlindungan haiwan hendaklah mematuhi peruntukan Seksyen 24 Akta kebajikan Haiwan 2015 serta mengamalkan amalan kebajikan haiwan seperti yang ditetapkan di dalam Kod Amalan Kebajikan Haiwan – Aktiviti Pengurusan Tempat Kurungan dan Perlindungan Haiwan.

9. PROSEDUR PERMOHONAN LESEN

- 9.1 Mana-mana pihak yang menjalankan aktiviti pengurusan tempat perlindungan haiwan seperti dalam perkara 7.1 – 7.3 hendaklah membuat permohonan lesen bagi menjalankan aktiviti ini secara dalam talian melalui sistem MyAnimalWelfare: <https://awa.dvs.gov.my>.
- 9.2 Pemohon lesen adalah pengusaha/pemilik syarikat/pertubuhan yang menjalankan aktiviti melibatkan haiwan.
- 9.3 Pemohon perlu mendapatkan lesen daripada pihak berkuasa tempatan terlebih dahulu sebelum memohon lesen di bawah Akta 772.

- 9.4 Bagi kawasan yang tidak dikawal selia oleh pihak berkuasa tempatan, pemohon perlu mendapatkan sokongan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan di kawasan tersebut sebelum memohon lesen.
- 9.5 Pemohon lesen perlu mendaftar sebagai pengguna sistem dan mendaftarkan premis yang digunakan untuk menjalankan aktiviti.
- 9.6 Sekiranya mempunyai lebih dari satu premis untuk menjalankan aktiviti yang perlu dilesenkan, premis-premis lain perlu didaftarkan terlebih dahulu sebelum memohon lesen.
- 9.7 Pemohon perlu melengkapkan dan menghantar borang permohonan lesen di dalam sistem MyAnimalWelfare. Permohonan yang lengkap akan diproses untuk kelulusan.
- 9.8 Setelah diluluskan, pemohon akan dimaklumkan melalui sistem MyAnimalWelfare dan e-mel kepada pemohon untuk membuat pembayaran fi pengeluaran lesen/pembaharuan lesen.
- 9.9 Setelah pemohon membuat pembayaran, resit pembayaran perlu dikemukakan kepada urus setia pelesenan untuk cetakan lesen.
- 9.10 Lesen bagi menjalankan aktiviti melibatkan haiwan perlu dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis terbabit.
- 9.11 Carta alir bagi prosedur permohonan lesen adalah seperti di lampiran.

10. BAYARAN FI LESEN

- 10.1 Setelah permohonan lesen diluluskan, pemohon hendaklah membayar fi mengikut butiran berikut:
- a. Pengeluaran lesen kali pertama – sebanyak RM100
 - b. Pembaharuan lesen – sebanyak RM50
- 10.2 Bayaran lesen boleh dibayar secara manual ke dalam akaun persekutuan di kaunter bayaran seperti yang dinyatakan di dalam inbois yang dijana oleh sistem.
- 10.3 Untuk pengeluaran lesen, resit bayaran perlu dikemukakan kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi pengeluaran lesen di tempat pembayaran dibuat.

11. TEMPOH LESEN

- 11.1 Tempoh lesen bagi permohonan kali pertama adalah ditetapkan selama setahun.
- 11.2 Tempoh pembaharuan lesen adalah ditetapkan selama 3 tahun.
- 11.3 Walau bagaimanapun, Lembaga Kebajikan Haiwan boleh menetapkan apa-apa tempoh sehingga 5 tahun atau lebih pendek selain daripada tempoh yang ditetapkan di 11.1 dan 11.2.
- 11.4 Tempoh lesen juga akan lebih pendek sekiranya:
- a. lesen digantung atau dibatalkan
 - b. pemegang lesen dihalang daripada memegang lesen

- c. pemegang lesen hilang kelayakan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 52 Akta Kebajikan Haiwan 2015.

12. PEMBAHARUAN LESEN

- 12.1 Untuk memperbaharui lesen, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan kepada Lembaga **tidak lewat** daripada **60 hari** sebelum tamat tempoh lesen.
- 12.2 Pemohon perlu membuat permohonan baharu sekiranya gagal mengemukakan permohonan pembaharuan lesen dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 12.1.

Dikemas kini: 27 November 2025

CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN DI BAWAH AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015 MELALUI SISTEM MYANIMALWELFARE



